

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KE-14**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. TUAN CHANG LIH KANG
[TANJONG MALIM]**

TARIKH : 18 OGOS 2020 (SELASA)

SOALAN

TUAN CHANG LIH KANG [TANJONG MALIM] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sama ada Kerajaan akan mengguna kaedah 'debt monetisation' ataupun menjual sekuriti Kerajaan kepada Bank Negara untuk menjana dana untuk memulihkan ekonomi negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan telah melaksanakan pakej stimulus dan program pemulihan ekonomi menerusi Pakej PRIHATIN dan PENJANA dengan suntikan fiskal berjumlah RM45 bilion yang akan dibiayai oleh pinjaman domestik. Kerajaan melaksanakan strategi pembiayaan secara berhemat di samping mematuhi perundangan berkaitan hutang yang ditetapkan. Ini termasuk memberi tumpuan kepada terbitan dalam denominasi ringgit untuk menyokong pasaran bon tempatan di samping mengurangkan kos dan pendedahan risiko tukaran mata wang asing. Kesemua terbitan bon dan sukuk Kerajaan iaitu Sekuriti Kerajaan Malaysia (MGS) dan Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia (MGII) dilaksanakan secara tender terbuka di mana semua pelabur boleh mengurus niaga dengan yakin dan pada masa sama menggalakkan dagangan sekuriti kerajaan pada harga kompetitif.

2. Dalam tempoh separuh pertama 2020, permintaan bagi terbitan MGS dan MGII masih tinggi. Purata nisbah bidaan kepada terbitan (*bid-to-cover ratio*) yang mencatat lebih langganan melebihi 2 kali, disokong oleh permintaan daripada institusi tempatan yang kukuh dan kecairan mencukupi sekitar RM150 bilion dalam pasaran domestik. Sokongan padu juga diperoleh daripada pelbagai kategori pelabur seperti dana persaraan, pelabur institusi, syarikat insurans dan institusi perbankan serta institusi kewangan pembangunan.

3. Di samping itu, penyertaan pelabur asing dalam pasaran sekuriti Kerajaan kekal stabil sekitar 20% daripada jumlah kertas hutang Kerajaan berdenominasi ringgit pada akhir Mac 2020. Kepelbagaian asas pelabur menjadikan aktiviti pasaran sekunder sekuriti Kerajaan lebih aktif, seterusnya menyebabkan kos pembiayaan Kerajaan lebih rendah dan stabil.

Tuan Yang di-Pertua,

4. Untuk makluman juga, pemegangan Bank Negara Malaysia (BNM) dalam kertas hutang Kerajaan yang merangkumi MGS, MGII dan bil Perbendaharaan telah meningkat kepada 1.5% pada akhir Mac 2020 berbanding 0.6% pada akhir-2019. Pemegangan BNM dalam kertas hutang Kerajaan adalah sebahagian daripada operasi dasar monetari negara bagi pengurusan kecairan pasaran. BNM juga telah mengumumkan penurunan nisbah Keperluan Rizab Berkanun (*Statutory Reserve Requirement – SRR*) sebanyak 100 mata asas kepada 2.00% pada bulan Mac 2020 serta fleksibiliti SRR tambahan yang diberikan kepada Peniaga Utama (*Principal Dealers*) dengan mengiktiraf MGS dan MGII sebagai sebahagian daripada pematuhan SRR. Langkah ini telah menambah mudah tunai bernilai kira-kira RM30 bilion ke dalam sistem perbankan dan ianya merupakan sebahagian daripada usaha berterusan BNM dalam memastikan mudah tunai adalah mencukupi untuk menyokong aktiviti pengantaraan kewangan. Oleh yang demikian, tiada keperluan bagi BNM untuk melaksanakan *debt monetisation*. Sekian, terima kasih.